



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 52/2023

PERTAHANKAN MARUAH UMAT ISLAM

29 Disember 2023

Bersamaan

16 Jamadilakhir 1445

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُذْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَبِئْسَ الْمُؤْمِنِينَ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، سَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah sama-sama kita meningkat ketaqwaan kepada Allah SWT dengan menjunjung segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita mendapat keberkatan di dunia dan keampunan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tentang tajuk:

PERTAHANKAN MARUAH UMAT ISLAM

Ikhwaniyal Muslimin,

Sesungguhnya perutusan Rasulullah SAW merupakan batu tanda peralihan sejarah manusia dari era Jahiliah kepada era kesedaran Islam, ataupun dengan lain perkataan, perubahan hidup manusia daripada kegelapan hawa nafsu kepada cahaya petunjuk yang terang benderang. Allah SWT berfirman dalam surah al-Maidah, ayat 15-16:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا
مِمَّا كُنْتُمْ تُخْفُونَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَعْفُو عَنْ كَثِيرٍ قَدْ
جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ ﴿١٥﴾ يَهْدِي بِهِ اللَّهُ
مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ
إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Wahai Ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami yang menerangkan kepada kamu banyak dari isi Kitab yang telah kamu sembunyikan, dan ia memaafkan kamu banyak perkara. Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah, dan sebuah Kitab yang jelas keterangannya. Dengan (Al-Qur'an) itu, Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan kepada sesiapa yang mengikut keredhaan-Nya, dan Tuhan keluarkan mereka dari gelap gelita kepada cahaya yang terang-benderang, dengan izin-Nya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.

Menerusi perutusan Baginda SAW ini, umat Islam telah faham tentang kebenaran dan kebatilan, baik dan buruk, keadilan dan kezaliman. Mereka mengorak langkah membangun ketamadunan yang sebenar; membentuk kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat, berpandukan kitab suci al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW, sehinggalah petunjuk Islam melimpahkan rahmat ke seluruh alam.

Saudara sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Zaman kini ialah era yang digembar gemburkan sebagai era moden dan era kemajuan, namun pembelaan sebenar kepada kemanusiaan tidak lagi berlaku. Pembelaan kemanusiaan tidak pun dihulurkan secara bersungguh-sungguh kepada negara-negara mundur dan miskin, apatah lagi kepada negara umat Islam yang diceroboh. Umat Islam seolah-olah diikat kaki dan tangan, sedang musuh bebas sesuka hati menumpahkan darah mereka.

Begitu juga, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, yang kononnya ditubuhkan untuk membela umat manusia sejagat, tetapi realitinya hanya berkhidmat kepada kepentingan kuasa besar dan sekutunya sahaja. Kalaulah berdepan dengan kesilapan negara-negara umat Islam, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tangkas bertindak seperti harimau yang garang, sebaliknya apabila berhadapan dengan jenayah negara-negara berkepentingan seperti Amerika dan negara Yahudi, ia hanya mampu beraksi seperti harimau sarkas sahaja. Kuat mengaum, tapi terantai dalam sangkar. Sejarah hitam yang berlaku di Afghanistan dan Iraq, serta apa yang sedang berlaku di bumi Palestin jelas menunjukkan hakikat pahit ini.

Sidang jumaat yang dihormati,

Umat Islam hendaklah sedar dan insaf bahawa mereka perlu berdikari. Tidak perlulah mereka menggantung harapan penuh kepada umat yang lain. Allah SWT mengingatkan kita dalam surah Ali Imran, ayat 118 dengan firman-Nya:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بَطَانَةً مِّن دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوْا مَا
عِنْتُمْ قَدْ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ

الآيَاتِ إِن كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١١٨﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu ambil orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi 'orang dalam' (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telahpun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya.

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan Allah,

Persoalannya, mengapa umat Islam pada satu ketika dahulu begitu hebat, tetapi kini bertukar menjadi lemah. Seorang ahli fikir Islam, Syaqqi Arsalan, telah mengupas fenomena ini. Menurut beliau, orang Islam kini menjadi mundur, antaranya adalah disebabkan oleh faktor-faktor ini:

Pertama: Kurangnya penghayatan isi kandungan ajaran Islam. Umat Islam tidak lagi mengkaji khazanah dan mutiara-mutiara kehidupan yang terdapat di dalam al-Quran secara sebenar.

Kedua: Kebanyakan umat Islam sekarang kurang berkemahiran di dalam penguasaan ilmu pengetahuan.

Ketiga: Kemerosotan akhlak. Akhlak umat Islam masa kini merosot dan pada tahap yang membimbangkan, seperti tidak amanah, mementingkan diri sendiri, bekerja sambil lewa dan sebagainya.

Keempat: Tidak berani membuat perubahan, bahkan lebih selesa mengikut telunjuk dan bergantung kepada pihak asing.

Justeru, insaflah bahawa perjuangan kita hari ini bukanlah dengan hanya sekadar kata-kata atau semangat sahaja. Sama ada umat, mahupun para pemimpin Islam, kita semua perlu bersiap sedia memperkemaskan diri ke arah mempertahankan kehormatan maruah ummah dan kedaulatan negara kita, seterusnya membela negara umat Islam yang lain, dengan sehabis mampu yang boleh. Jauhilah dari bertelagah sesama sendiri, kukuhkan perpaduan dan kesatuan ummah dalam kalangan kita.

Ingatlah, tiada sesiapa yang akan mempertahankan umat Islam, sekiranya umat Islam sendiri tidak mempertahankan diri mereka. Namun, berdasarkan situasi kita hari ini, ternyata kita berada dalam keadaan yang lemah untuk mempertahankan diri sendiri. Kerana itulah, Islam menggesa umatnya supaya melengkapkan diri dengan segala bentuk kekuatan, bagi menghadapi sebarang ancaman musuh pada bila-bila masa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ، عَدُوَّ

اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَعَآخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا نَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا

مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.

(Surah al-Anfal, Ayat 60)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pereratkanlah hubungan sesama kita dengan saling menghormati, sayang menyayangi dan bantu-membantu antara satu sama lain. Mudah-mudahan kesatuan umat Islam akan lebih kukuh dan kesejahteraan akan dapat dikecapi bersama.

Khatib juga ingin menyeru kepada sidang jumaat sekalian untuk meningkatkan kebersihan diri, makanan dan persekitaran, serta mengambil langkah keselamatan yang sesuai dengan kemungkinan berlakunya banjir mahupun penularan penyakit merbahaya. Sama-samalah kita memperbanyakkan doa memohon agar Allah melindungi diri, ahli keluarga, serta rakyat di negeri ini dan negara kita dari segala musibah, wabak penyakit dan apa jua bencana.

Sidang jumaat sekalian,

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَعَّكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلِّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ
الدِّينِ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

Ya Allah,

Kurniakanlah ganjaran pahala yang berterusan kepada pembayar- pembayar zakat yang telah menunaikan zakat melalui Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) serta berkatilah dan rahmatilah segala harta- harta mereka yang berbaki. Kami memohon kepada-Mu agar harta- harta kami menjadi harta-harta yang bersih dan jadikanlah zakat kami ini sebagai saham buat kami di akhirat kelak.

Ya Allah

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu- pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

Ya Allah,

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada saudara kami di sana dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ .
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

عِبَادَ اللهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ .

